

13 MAY 2000

Mahathir-wawasan

SASARAN DR MAHATHIR SEBELUM BERSARA AGAR MALAYSIA CAPAI WAWASAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sasaran beliau sebelum bersara sebagai perdana menteri ialah meletakkan kembali negara ke landasan yang kukuh untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Untuk itu, katanya, Umno perlu terus berkuasa dan menjadi tunjang Barisan Nasional.

"Kita mempunyai sasaran yang khusus dan rancangan yang khusus untuk mencapainya," kata perdana menteri kepada pemberita di akhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Dr Mahathir yang menang tanpa bertanding sebagai presiden untuk penggal 2000/2003, berkata beliau akan memberi tumpuan kepada tugas parti untuk tiga tahun akan datang dan menurunkan sebahagian tugas perdana menteri kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika ditanya bila beliau akan bersara atau jika beliau mahu kekal sehingga 2004 apabila pilihan raya umum berikutnya diadakan, Dr Mahathir yang berusia 74 tahun, berkata beliau belum membuat keputusan kerana "apa saja boleh berlaku".

Dr Mahathir berkata untuk melaksanakan rancangan mencapai Wawasan 2020, parti perlu dapat memahami apa yang dirancang, apa yang ia mahu lakukan dan bagaimana untuk melakukannya.

"Inilah tugas saya sekarang untuk cuba membuatkan (anggota) parti memahami peranan mereka dalam mencapai Wawasan 2020," katanya.

Ditanya apa yang menahan beliau daripada bersara selepas 19 tahun menjadi perdana menteri, Dr Mahathir berkata beliau sudah mahu bersara pada 1998 selepas Sukan Komanwel yang diadakan di sini.

"Saya mahu bersara pada 1998 tetapi saya terpaksa memastikan selepas persaraan saya, parti menerima dan menghormati sepenuhnya kepimpinan baru yang akan mereka hadapi. Inilah tugas saya, saya tidak boleh melepaskan hanya kerana saya bersara," katanya.

"Waktu ini sudah tak ada lagi dah (hendak bersara), dulu memang (ada) tapi tak bagi tahu pada sesiapa takut spekulasi, pasaran saham jatuh, (bila) cerita tentang berhenti selepas Commonwealth Games.

"Ia akan menjadi kemuncak kejayaan saya. Saya mahu bersara dengan kejayaan gemilang, tetapi malangnya ada perkara yang berlaku. Anda tahu, pada sukan itu, semua orang bangun dan bersorak pada saya, semasa saya berjalan keliling, ketika itu untuk bersara merupakan suatu yang hebat sekali," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh memegang kuasa selama-lamanya.

"Saya tidak boleh terus berada di sini. Saya hanya manusia biasa, saya mungkin jatuh sakit, mati, saya tidak tahu, atau saya mungkin memutuskan semuanya sempurna, saya akan bersara," katanya.

Ditanya sama ada kesihatan akan menjadi faktor untuk beliau membuat keputusan bersara, Dr Mahathir berkata sudah pasti saya perlu meletakkan jawatan jika saya tidak sihat.

"Malangnya kesihatan saya amat baik pada masa ini. Saya boleh melakukan kerja lebih daripada yang saya fikir boleh dilakukan oleh orang biasa iaitu 15 atau 16 jam sehari. Saya perlu menerima hakikat bahawa saya hanyalah manusia biasa yang boleh jatuh sakit. Saya dibedah kerana masalah kesihatan lebih 10 tahun lepas," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau percaya mereka yang dipilih sebagai naib presiden dan anggota Majlis Tertinggi akan dapat membantu beliau mencapai rancangan parti dan Wawasan 2020.

"Saya rasa mereka boleh, tentunya kita tidak boleh mencapai sesuatu

yang ideal. Kita perlu menangani pelbagai perkara, akan terdapat perbezaan pandangan dan pendapat," katanya.

Dr Mahathir berkata tanggungjawab pemimpin adalah untuk menyatukan pandangan dan pendapat dan menyalurnya bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

-- BERNAMA

AR RON LAT